

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN
[ROMPIN]
TARIKH : 30 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 30

Y.B. DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kelebihan kompetitif (*competitive advantage*) yang masih dimiliki oleh Malaysia untuk menarik pelabur asing masuk ke dalam negara melihatkan kepada penurunan hampir 300 mata bursa saham sejak peralihan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Nilai pelaburan asing yang diluluskan oleh MIDA dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan meningkat kepada RM49.8 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 2019 berbanding RM42.1 bilion dalam tempoh yang sama pada 2018. Kebanyakan pelaburan ini daripada Jepun, Amerika Syarikat, Singapura, China dan Jerman.

Kedudukan geografi Malaysia yang strategik, persekitaran perniagaan yang kondusif, kemudahan infrastruktur yang moden, kedapatan tenaga buruh mahir serta kestabilan ekonomi dan politik merupakan antara faktor utama yang menjadikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan utama di rantau ini. Menurut Laporan Bank Dunia "*Doing Business 2020*", kedudukan Malaysia pada 2020 telah meningkat ke tangga 12 berbanding 15 pada 2019 daripada 190 ekonomi. Pencapaian ini membuktikan inisiatif berterusan Kerajaan dalam mempergiat usaha untuk meningkatkan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah terkini yang telah diambil bagi memastikan Malaysia kekal menjadi destinasi pilihan pelaburan berkualiti dan mesra pelanggan adalah:

- menubuhkan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (*National Committee on Investment - NCI*) bagi mempercepatkan proses pertimbangan dan membuat keputusan terhadap semua cadangan projek pelaburan;
- mengkaji semula dan menambah baik kerangka insentif sedia ada yang merangkumi Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Pakej Galakan Istimewa dan insentif di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 yang dijangka akan siap pada 1 Januari 2021;
- menyediakan pakej galakan pelaburan istimewa (*customised*) bernilai sehingga RM1 bilion setahun untuk tempoh lima tahun untuk menarik

NO SOALAN : 30

syarikat Fortune 500 dan *global unicorns* dalam sektor berteknologi tinggi, pembuatan, kreatif dan ekonomi baharu;

- menawarkan pakej galakan pelaburan istimewa bernilai sehingga RM1 bilion setahun untuk tempoh lima tahun kepada syarikat tempatan yang layak bagi mentransformasikan perniagaan tempatan yang terunggul dan berpotensi untuk bersaing dalam pasaran eksport global;
- memberi peruntukan tambahan RM10 juta kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk meningkatkan pemantauan dan memastikan pelaburan direalisasikan selepas diluluskan; dan
- memperkenalkan insentif cukai untuk menggalakkan lagi aktiviti bernilai tambah tinggi dalam industri Elektrikal dan Elektronik (E&E) untuk beralih ke ekonomi digital berasaskan 5G dan Industri 4.0.

Tuan Yang di-Pertua,

Kemerosotan prestasi FBMKLCI yang telah mencatat pengurangan sebanyak 6.7% sehingga 29 Oktober 2019 adalah disebabkan oleh kelemahan prospek pertumbuhan ekonomi global serta ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik.

Bagi menstabilkan pasaran modal secara berterusan, Bursa Malaysia telah menyediakan pelan perniagaan yang memberi tumpuan kepada peningkatan kerancangan aktiviti pasaran saham tempatan bagi menjadikan pasaran Malaysia lebih kompetitif di rantau ini. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah menambah kepelbagaian produk sekuriti dan produk berkaitan yang lain, membangun dan meningkatkan jumlah pelabur, menambah baik dan menyediakan ekosistem yang diperlukan dan mengembangkan pasaran serantau.